

**UCAPAN HJ RAHIM MAWASI
PENGERUSI LEMBAGA PENTADBIR MASJID AN-NUR
DI PELANCARAN PELAN PENINGKATAN MASJID AN-NUR
JUMAAT, 26 NOV 2010 BERSAMAAN 19 ZULHIJAH 1431H**

Yang Berhormat
Dr Yaacob Ibrahim
Menteri Sekitaran dan Sumber Air merangkap
Menteri Bertanggungjawab Bagi Ehwat Masyarakat Islam

Yang Berbahagia
Tuan Hj Hawazi Daipi
Setiausaha Parliamen Kanan
Kementerian Tenaga Manusia & Kementerian Kesihatan &
Anggota Parlimen bagi GRC Sembawang

Yang Berbahagia
Haji Mohd Alami Musa
Presiden Majlis Ugama Islam Singapura

Sohibus Samaha
Syed Isa Semait
Mufti Negara Singapura

Yang Berbahagia
Haji Abdul Razak Maricar
Setiausaha Majlis Ugama Islam Singapura

Rakan-rakan Anggota Lembaga Pentadbir Masjid

Pengerusi serta Perwakilan Qaryah

Para relawan dan jemaah yang dihormati sekalian

Assalamualaikum wr wb.

Alhamdulillah, Pertama-tama saya mengucapkan syukur ke Hadrat Allah swt kerana telah memberikan kita kesejahteraan dan pelbagai nikmat-Nya untuk membolehkan kita menjalankan segala urusan di dunia ini sebagai hambanya dan pada masa yang sama, sebagai pengamanah atas apa jua yang dipertanggungjawabkan atas kita semua.

2. Terima kasih kami ucapkan kepada Menteri, Dr Yaacob Ibrahim kerana meluangkan masa untuk sama-sama bersolat Jumaat di masjid ini yang akan dipimpin oleh Sahibus samahah Mufti Negara Syed Isa Semait dan sekaligus mengesahkan dan melancarkan rancangan bagi kerja-kerja peningkatan Masjid An-Nur,

Jemaah yang dirahmati Allah,

3. Masjid An-Nur telah dirasmikan pembukaannya oleh Almarhum Tuan Hj Abdul Rahim Ishak, Menteri Negara Kanan pada April 1980. Pada ketika itu masjid sebagai rumah ibadah memberi khidmat khusus kepada penduduk sekitar Marsiling. Kini, masjid sebagai sebuah institusi telah melebarkan jaringan perkhidmatannya kepada empat kawasan iaitu, Marsiling, Woodlands, Admiralty dan Sembawang.

4. Ini memberi kami peluang menyebar-luaskan jaringan komunikasi kepada setiap penduduk dan membawa program masjid langsung kepada masyarakat melalui unit Qaryah. Dengan ini, kami mampu menjalankan usaha-usaha Memasjidkan Masyarakat.

5. Sebagai inisiatif tersebut juga,, kami telah mendekati masyarakat dengan program-program Pembangunan Sosial dengan kerja sama unit-unit Muslimin, Muslimah, Belia, dan Warga Emas. Dengan ini, kami dapat menepati keperluan mereka melalui pendekatan khusus.

6. Manakala Unit Pendamping dan Kebajikan mendekati keluarga-keluarga yang memerlukan sokongan serta bantuan dengan meningkatkan keupayaan supaya mampu keluar dari lingkaran musibah. Antara program yang menggabung jalinan tersebut ialah “Sayang Kerja, Sayang Keluarga”.

7. Di samping itu, Unit Pendidikan An-Nur memberi khidmat pendidikan dari peringkat tadika sehingga menengah dalam sistem pendidikan Islam melalui madrasah mingguan, termasuk aLIVE yang telahpun bermula secara bertahap. Insya Allah, kami menjangkakan madrasah mingguan akan menjalankan sepenuhnya kurikulum aLIVE bermula 2013.

Para jemaah yang saya Hormati,

8. Masjid An-Nur kini telah menjangkau usia 30 tahun. Keadaannya yang agak usang dan prasarana yang terhad tidak dapat menampung keperluan bagi menjalankan dan mengembangkan program-program pembelajaran Islam dan Pembangunan sosial yang diharapkan masyarakat hari ini. Mentelah lagi, dengan profil penduduk yang lebih berusia di kawasan kejiranan Woodlands, kami amat memerlukan prasarana yang

mesra-warga emas. Lantas, pihak LPM telah mengambil langkah untuk merancang dan menjalankan peningkatan bagi masjid yang sedia ada ini.

9. Melalui proses musyawarah antara LPM, jemaah, masyarakat dan rakan-rakan kongsi (stakeholders), kami telah mengumpulkan dapatan untuk menjadikan masjid ini lebih mesra-jemaah dan mesra masyarakat. Insya Allah, para jemaah boleh mengharapkan ruang solat yang lebih luas dan selesa, dewan serbaguna dan ruang sivik. Ruang solat untuk keluarga berjemaah juga akan disediakan di aras 1. Prasarana ini akan membolehkan perinteraksian yang lebih mesra antara jemaah.

10. Selain itu, ciri-ciri mesra-warga emas dan kurang-upaya seperti lif dan laluan bercerun (ramp) akan disediakan. Jemaah juga boleh menjangkakan tandas (termasuk bagi yang kurang upaya) di setiap aras, tempat wuduk yang lebih luas dan selesa. Bukan saja itu, masjid bakal dilengkapi dengan alat mesra-sekitaran seperti alat jimat air dan elektrik, penggunaan cahaya suria (sky-light) serta sistem kitar-semula air.

11. Di samping itu bagi keperluan pendidikan aLIVE, bilik-bilik darjah dengan kemudahan penggunaan IT akan disediakan sesuai dengan pedagogi terkini. Insya Allah, ini akan memberi anak-anak kita suasana pembelajaran Islam yang lebih selesa dan menyeluruh. Bilik darjah yang fleksibel ini boleh digunakan untuk ruang solat. Dengan peningkatan ini, Insya Allah masjid ini boleh menampung hampir 4500 jemaah, melebihi kapasiti masjid ketika ini. Kos peningkatan bangunan dianggarkan \$7.5-8 juta.

Para jemaah sekalian,

12. Seperti yang anda boleh lihat, buat masa ini kerja-kerja untuk bangunan sementara masjid sedang rancak dijalankan. Insya Allah, apabila ianya siap pada pertengahan bulan Disember ini, kita akan berpindah ke bangunan sementara untuk memberi laluan bagi kerja-kerja peningkatan masjid ini dimulakan. Program pembelajaran Islam termasuk madrasah mingguan dan pembangunan sosial akan diteruskan seperti biasa di bangunan sementara ini.

13. Namun ingin disampaikan bahawa ruang musolla di bangunan sementara adalah terhad. Ia hanya boleh menampung 1000 lebih jemaah. Maka dengan itu, LPM sedang berusaha untuk menyediakan khidmat bas untuk membawa jemaah yang terjejas pada hari Jumaat ke masjid-masjid terdekat seperti Assyafaah dan Darul Makmur pada tahap awal peningkatan masjid ini. Ini diharap dapat memudahkan jemaah membiasakan dengan perjalanan ke masjid-masjid tersebut. Kami berharap kita dapat pindah semula ke bangunan asal setelah ia siap pada akhir suku pertama 2012, Insya Allah.

14. Dalam kesempatan ini, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Menteri Dr Yaacob Ibrahim yang sentiasa memberikan sokongan untuk projek ini. Juga pada, Tuan Hj Hawazi Daipi yang telah banyak membantu dalam usaha kutipan dana.

15. Dan yang amat penting sekali, saya bagi pihak LPM An-Nur ingin menyampaikan setinggi-tinggi terimakasih kepada semua para dermawan,

relawan serta para jemaah yang telah memberi sokongan amat padu untuk projek ini. Malahan, Alhamdulillah, sokongan telah datang melimpah ruah sejak kutipan dana dijalankan 3 tahun dulu.

16. Setakat ini, kami telah mengumpulkan hampir \$4 juta. Kami akan terus menerima derma dari para jemaah bagi menampung segala kelengkapan dalaman apabila masjid berwajah baru kelak. Pihak LPM masih terus mengharapkan sokongan para jemaah untuk memastikan kerja-kerja pembinaan tidak menghadapi masalah dan akan siap pada waktu yang dirancangkan. Hanya Allah jualah yang dapat memberi sebaik-baik ganjaran pada semua , Amin.

17. Mudah-mudahan, setelah siap nanti, ia diharap dapat menjadi mercu kebanggaan para jemaah dan masyarakat Islam Singapura, melambangkan semangat kerjasama dan gotong royong setiap lapisan masyarakat Singapura.

18. Marilah bersama kita Membina Masjid, Membentuk sebuah institusi dan membangun masyarakat Islam cemerlang Singapura.

Sekian. Terimakasih.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah.

Wassalamualaikum Wr Wb

